

# Pensyarah Pelawat PPKAS Jan - Jun '09

## EAT103 Pengenalan kepada Kejuruteraan Alam Sekitar

Oleh **Masitah Hasan**

Pensyarah

Pada 13 April 2009, PPKAS berbesar hati menerima kunjungan dari pensyarah pelawat iaitu Encik Muhd Rashid Wan Chik. Beliau merupakan pengurus GLISTEN Environmental Consultants Sdn Bhd. Beliau sangat berpengalaman luas dalam hal-hal berkaitan alam sekitar dan pernah berkhidmat selama 20 tahun di Jabatan Alam Sekitar sebelum bersara. Selepas bersara, beliau menyertai Syarikat Rundingan Alam Sekitar di Pulau Pinang sebagai Ketua Projek selama hampir empat tahun sebelum menubuhkan GLISTEN Environmental Consultants. Kunjungan tersebut turut memberi kesempatan kepada warga staf dan pelajar tahun satu kursus EAT 103 Pengenalan kepada Kejuruteraan Alam Sekitar untuk mendapat input serta pengalaman berkaitan kerja-kerja rundingan alam sekitar yang dijalankan oleh pihak GLISTEN Environmental Consultants seperti EIA, EIS dan sebagainya. Dua sesi perbincangan dijalankan iaitu pada tengahari untuk para staf PPKAS manakala pada sebelah petangnya untuk para pelajar tahun satu PPKAS. Sesi kuliah yang bertajuk Pengenalan Kepada Kerjaya Perundingan Alam Sekitar dijalankan oleh Encik Muhd Rashid turut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelajar.